

**SOALAN LAZIM BAGI PERALIHAN PAMPASAN KEMALANGAN PEKERJA ASING DARIPADA SKIM PAMPASAN PEKERJA ASING (SPPA), JABATAN TENAGA KERJA KEPADA SKIM BENCANA KERJA PERKESO (SBKP)**

**1. Soalan : Bilakah tarikh Skim Bencana Kerja PERKESO (SBKP) berkuatkuasa untuk dilaksanakan?**

Jawapan : SBKP berkuatkuasa untuk dilaksanakan pada 1 Januari 2019. Bagi pekerja asing yang sedia ada dalam Malaysia dan masih dilindungi di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) yang sah, mereka hendaklah didaftarkan dengan PERKESO oleh majikan sehari selepas tamat tempoh matang SPPA, tertakluk kepada tarikh akhir SPPA pada 31 Disember 2019 (*cooling period*). Mulai 1 Januari 2020, semua majikan hendaklah berdaftar dengan PERKESO walaupun pekerja asing tersebut masih diliputi di bawah SPPA. Pekerja asing yang baru masuk untuk bekerja di Malaysia pada atau selepas 1 Januari 2019 hendaklah berdaftar dengan PERKESO sebaik mereka mendapat pengesahan Jabatan Imigresen Malaysia di mana-mana tempat kemasukan (*port of entry*) yang diwartakan.

**2. Soalan : Apakah Akta yang terpakai di bawah Skim ini?**

Jawapan : Akta yang terpakai bagi skim ini adalah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 (Akta 4).

**3. Soalan : Siapakah yang layak diliputi?**

Jawapan : Semua pekerja asing di dalam Malaysia yang mempunyai permit kerja yang sah atau seumpamanya yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia termasuk bagi Pegawai Dagang (ekspatriat) KECUALI pekhidmat rumah tangga.

**4. Soalan : Apakah syarat kelayakan untuk diliputi di bawah Skim ini?**

**Jawapan :** Pekerja asing tersebut mestilah mempunyai permit kerja yang sah, pasport dan Pas Khas bagi pekerja asing baharu dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atau pas kerja yang sah bagi pekerja asing sedia ada yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

**5. Soalan : Bagaimanakah pendaftaran dan pembayaran untuk pekerja asing boleh dilakukan?**

**Jawapan :** Majikan hendaklah membuat pendaftaran pekerja asing secara dalam talian melalui Portal ASSIST atau melengkapkan Borang Pendaftaran Pekerja Asing dan mengemukakan ke pejabat PERKESO yang berhampiran mulai 1 Januari 2019. Majikan hendaklah mengemukakan dokumen sokongan berikut:

- Salinan pasport muka hadapan yang terdiri daripada maklumat butiran pekerja
- Permit kerja yang sah atau pas masuk atau seumpamanya

Majikan hendaklah membuat bayaran caruman mengikut Kategori Kedua bagi Skim Bencana Kerja iaitu syer majikan sahaja. Semua pembayaran caruman pekerja asing hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Portal ASSIST atau perbankan internet dengan menggunakan No. Keselamatan Sosial Pekerja Asing (KSPA-12 digit) yang dibekalkan oleh PERKESO semasa pendaftaran pekerja asing dilakukan.

**6. Soalan : Apakah nombor ID yang akan digunakan sebagai identiti pekerja asing semasa pendaftaran dilakukan?**

**Jawapan :** PERKESO akan menjana No. Keselamatan Sosial Pekerja Asing (KSPA-12 digit) bagi setiap pekerja asing yang didaftarkan. Semua urusan pekerja asing dengan PERKESO hendaklah menggunakan No. KSPA - 12 digit yang telah

dibekalkan kepada pekerja asing tersebut walaupun terdapat perubahan pada butir-butir passport atau permit kerja yang sah atau seumpamanya di masa hadapan.

**7. Soalan : Apakah Borang yang digunakan untuk mendaftarkan pekerja asing?**

Jawapan : Borang Pendaftaran Pekerja Asing seperti di Lampiran A dalam Pekeliling Majikan Bil.3 Tahun 2018 dan boleh dimuat turun dengan melayari laman web PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) .

**8. Soalan : Berapakah kadar caruman yang telah ditetapkan bagi majikan dan pekerja asing?**

Jawapan : Kadar Caruman ditetapkan pada kadar 1.25% daripada gaji bulanan pekerja asing dan dibayar setiap bulan oleh majikan sahaja dengan merujuk kepada Jadual Caruman Kategori Kedua bagi perlindungan Skim Bencana Kerja sahaja.

**9. Soalan : Adakah caruman dipotong secara bulanan atau tahunan?**

Jawapan : Potongan bayaran caruman pekerja asing dibayar secara bulanan iaitu hanya dicarumkan dengan syer majikan sahaja.

*The deduction for the contribution of foreign workers is paid on monthly basis, which is contributed by the employer.*

**10. Soalan : Bilakah caruman perlu dibayar?**

Jawapan : Caruman hendaklah dibayar tidak lewat daripada 15 haribulan bagi caruman bulan sebelumnya. Contohnya, caruman bulan Januari 2019 hendaklah dibayar tidak lewat daripada 15 Februari 2019.

**11. Soalan : Apakah takrif gaji bagi pekerja asing untuk tujuan mencarum?**

**Jawapan :** Caruman pekerja adalah berdasarkan kepada gaji pekerja iaitu termasuk upah, kerja lebih masa, komisen, caj perkhidmatan, bayaran cuti tahun, sakit, bersalin, rehat, kelepasan am, elaun insentif, sara hidup dan sebagainya. Semua pembayaran sama ada mengikut jam, harian, mingguan, bulanan, hasil kerja adalah dianggap gaji.

**12. Soalan : Apakah faedah yang ditawarkan di bawah Skim Bencana Kerja PERKESO (SBKP) ?**

**Jawapan :** Faedah-faedah di bawah SBKP adalah seperti berikut:

- Faedah Perubatan
- Faedah Hilang Upaya Sementara
- Faedah Hilang Upaya Kekal
- Faedah Orang Tanggungan
- Faedah Pengurusan Mayat
- Elaun Layanan Sentiasa
- Kemudahan Pemulihan

**Faedah yang dikecualikan ialah Faedah Pinjaman Pendidikan, Pemulihan Vakasional, Dialisis dan Program Return To Work.**

**Namun, Faedah Pengurusan Mayat bagi pekerja asing yang meninggal dunia di Malaysia dan dibawa pulang ke negara asal untuk dikebumikan layak menerima sebanyak RM6,500. Pekerja asing yang meninggal dunia dan dikebumikan di Malaysia, waris yang layak akan menerima sebanyak RM 2,000 atau sekiranya bukan waris mengikut resit pengebumian, yang mana terendah.**

**13. Soalan : Bagaimanakah melaporkan kemalangan dan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk membuat tuntutan?**

**Jawapan :** Semua tuntutan faedah pekerja asing hendaklah melengkapkan Borang Notis Tuntutan Faedah Pekerja Asing seperti di Lampiran C dalam Pekeliling Majikan Bil. 3 Tahun 2018 berserta dokumen sokongan. Maklumat ini boleh diperolehi dengan dengan melayari laman web PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) .

**14. Soalan : Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkenaan perlindungan PERKESO untuk pekerja asing, bagaimana dan siapakah perlu saya hubungi?**

**Jawapan :** Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan PERKESO 1-300-22-8000 atau layari laman web PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hadir ke mana-mana pejabat PERKESO yang berdekatan di seluruh negara.